

## PENDIDIKAN DAN KEMAHIRAN BELIA LUAR BANDAR

ALIAS MASEK, BADARUDDIN IBRAHIM, LAI CHEE SERN, MIMI MOHAFFYZA MOHAMAD, MARLINA MOHAMAD, SHAFIZZA SAHDAN & NOOR ATIKAH ZAINAL ABIDIN

### ABSTRAK

*Dalam mengharungi cabaran di sebalik pembangunan Negara yang kian pesat, ilmu pengetahuan dan kemahiran merupakan aset penting kepada golongan belia untuk terus bersaing. Namun, masih terdapat ramai belia terutamanya di kawasan luar bandar yang tidak menyambung pengajian dalam bidang akademik mahupun latihan kemahiran, khususnya dalam bidang Pendidikan Teknikal dan Vokasional (PTV). Akibatnya, mereka ketinggalan dalam memainkan peranan sebagai penggiat ekonomi. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti latar belakang dan inisiatif belia luar bandar yang tidak menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Satu kajian tinjauan telah dijalankan menggunakan pendekatan kuantitatif dan disokong oleh data kualitatif. Soal selidik telah diedarkan kepada 1600 orang belia luar bandar dan hasilnya sebanyak 1204 set lengkap data digunakan untuk analisis. Sesi temubual juga telah dijalankan bersama beberapa orang responden. Data kuantitatif dianalisis menggunakan statistik deskriptif, manakala data temubual dianalisis secara tematik. Dapatan menunjukkan bahawa golongan belia yang tidak menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi majoritinya terdiri daripada lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan mempunyai latar belakang keluarga yang berpendapatan rendah. Didapati lebih 60% belia yang terlibat dalam kajian ini pernah bekerja dan mempunyai pengalaman berharga dalam bidang-bidang tertentu. Dapatan juga menunjukkan belia ini mempunyai inisiatif untuk menyambung pengajian (min pada tahap yang tinggi = 3.78), namun dihalangi beberapa faktor seperti faktor diri sendiri dan menyara keluarga. Implikasi daripada kajian ini ialah Institut Kemahiran Belia Negara boleh memperluaskan pengiktirafan kepada golongan belia berdasarkan pengalaman terdahulu (PPT) bagi mendapatkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dalam bidang-bidang tertentu contohnya pertanian, automotif dan catering.*

**Kata Kunci:** *Belia Luar Bandar, Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Kemahiran, Inisiatif*

### ABSTRACT

*Following the emergence of a new era of Technical and Vocational Education and Training (TVET) in Malaysia, the youth community should grasp the opportunity to equip themselves with knowledge and skills. However, the nation's youth, especially those living in the rural areas, tend to be unaware of the importance of TVET in providing them a better future. As a consequence, youth was left behind in order to play a role as economic activator. Therefore, this study aims to identify the*

*background and initiatives of rural youth in pursuing their studies in academic or skills training. A survey using quantitative approach and supported by qualitative approach had been conducted at rural areas. Questionnaires were distributed among 1600 rural youths and about 1204 had completed the questionnaire for the analysis. Quantitative data was analysed using descriptive statistics, while qualitative data was analysed using thematic. Results indicated that majority of rural youth did not pursue the next education level were those amongst SPM leavers and came from low income families. Almost 60% of the respondent have a valuable experience working in several areas. The result also indicated that the initiatives that was taken by rural youth in pursuing their studies are at high level (mean = 3.78). The implication from this study is the National Youth Skills Institute can broaden the recognition of the youth based on previous experiences ( PPT ) for the Malaysian Skills Certificate in certain areas for example agriculture, automotive and catering.*

**Keywords:** Rural Youth, Technical and Vocational Education, Skills, Initiatives

## PENGENALAN

Kajian-kajian lepas umumnya menafsirkan bahawa golongan belia adalah merujuk kepada individu yang berumur antara 15 hingga 40 tahun. Walau bagaimanapun, tafsiran umur ini adalah berbeza di pelbagai negara (Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, IPPBM, 2013). Contohnya, di beberapa negara Afrika, belia adalah berumur antara 18 hingga 35 tahun (Dalsgaard, Hansen dan Tranberg, 2008). Manakala Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pula mentafsirkan bahawa belia merupakan mereka yang berumur 15 hingga 24 tahun. Belia merupakan aset dan pemacu ekonomi negara yang memainkan peranan penting dalam mencorakkan bentuk, nilai dan gaya hidup masyarakat sesebuah negara pada masa akan datang. Pembangunan belia dianggap penting untuk diberikan perhatian bagi memastikan bahawa negara dapat meneruskan kelangsungan pembangunan seperti yang telah dirancang.

Menurut Mohd dan Junaidi (2012), belia di seluruh dunia menghadapi cabaran globalisasi. Globalisasi tidak semestinya baik dan menguntungkan semua pihak kerana globalisasi ada membawa kebaikan dan dalam masa yang sama ada juga kesan negatifnya terhadap masyarakat dunia. Dalam konteks perkembangan media, globalisasi memberi satu peluang baru dari segi akses kepada media dan teknologi maklumat yang merangsang kebolehdapatan maklumat dengan meluas dan pantas. Cabaran pembangunan dunia sekarang ini tertumpu kepada k-ekonomi yang berasaskan pengetahuan. Selaras dengan itu, negara yang ingin terus maju tidak dapat lari daripada menyediakan warganya menjadi masyarakat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi.

Berdasarkan laporan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (2014), data menunjukkan bahawa golongan belia dianggarkan seramai 13 juta orang belia

di seluruh Malaysia. Dengan jumlah sebesar ini, golongan belia harus dilihat sebagai satu golongan yang mempunyai pengaruh besar dalam menggerakkan pembangunan negara. Lokasi penempatan belia terbahagi kepada dua iaitu belia di bandar dan di luar bandar. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (2014), terdapat anggaran 10.23 juta merupakan belia bandar dan 3.4 juta belia luar bandar. Bilangan ini menunjukkan bahawa golongan belia mempunyai sumbangan yang besar dan tidak boleh dipinggirkan dalam menggerakkan ekonomi Negara. Landasan utama adalah aspek pendidikan, di mana pendidikan memainkan peranan penting dalam memberi pengetahuan dan kemahiran tinggi dalam membangunkan Negara (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2013).

Malaysia memberikan akses yang luas kepada golongan belia untuk mendapat pendidikan dan kemahiran setanding dengan negara-negara maju. Namun, masih ramai lagi belia yang berpuas hati dengan taraf pendidikan yang rendah yang dikhuatiri menjadi punca kepada pengangguran. Pada tahun 2000, dianggarkan seramai 6.2 juta orang pelajar telah menamatkan pengajian di peringkat sekolah dan pengajian tinggi. Pada tahun 2005, seramai 6.7 juta orang telah menamatkan pengajian di peringkat sekolah dan pengajian tinggi. Terdapat seramai 7.9 juta orang menamatkan pelajaran pada tahun 2010. Jika dilihat pecahan angka ini mengikut tahap pendidikan, pada tahun 2000, seramai 5.78 juta belia mempunyai tahap pendidikan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), dan hanya 1.30 juta mempunyai pendidikan di tahap pasca SPM. Manakala pada tahun 2005, didapati 6.53 juta belia mempunyai tahap pendidikan PMR dan SPM dan hanya 1.82 juta mempunyai pendidikan di tahap pasca SPM (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2013). Tahap pendidikan yang hanya diperingkat sekolah ini akan memberi impak kepada tahap pendidikan peringkat universiti dan lepasan universiti.

## KAJIAN LITERATUR

Menurut Kayan et al. (2010), pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) adalah merupakan satu sistem pendidikan yang berdasarkan penyediaan latihan khusus untuk kemahiran teknikal dan beberapa kemahiran yang lain. Sistem pendidikan ini juga boleh mewujudkan pelajar atau belia pada masa hadapan yang mempunyai pengetahuan, kemahiran dan juga mahir. Bagi melengkapkan belia luar Bandar dengan kemahiran PTV yang baik, minda kelas pertama perlu dibina dalam setiap diri belia luar Bandar. Menurut Zakaria (2006), minda kelas pertama tidak bercambah jika ukuran ilmu hanya diasaskan kepada jenis sijil dan tahap kelayakan akademik. Dalam persekitaran merangsang pembangunan minda kelas pertama, ukuran ilmu dan pencapaian ialah kegigihan, iltizam, sumbangan konkrit dan gaya hidup berasaskan kepentingan nilai ilmu. Disinilah perlunya pembaikan, inovasi, penyelidikan dan reka cipta serta digabungkan dengan unsur nilai-nilai murni dalam merealisasikan capaian minda kelas pertama yang diinginkan. Dalam erti kata lain, mewujudkan insan berminda kelas pertama adalah mewujudkan insan berilmu dan

dapat membezakan keburukan dan kebaikan serta melaksanakan tanggungjawabnya dengan adil terhadap dirinya, masyarakat serta dalam konteks lebih besar iaitu alam. Latar belakang dan inisiatif belia untuk menyambung pengajian berkait rapat. Ini boleh dibuktikan apabila terdapat kajian yang mendapati belia lelaki lebih ramai yang tidak mempunyai inisiatif menyambung pengajian. Kenyataan tersebut disokong oleh hasil dapatan kajian Hatrl (2009) iaitu lelaki lebih ramai tidak menyambung pengajian disebabkan oleh faktor tanggungjawab untuk menjaga keluarga. Kajian ini juga mendapati bahawa, belia luar bandar yang tidak menyambung pengajian amat memerlukan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (PTV) ini kerana pekerjaan di kawasan luar Bandar amat mementingkan kemahiran dalam diri setiap individu contohnya dalam pekerjaan pertanian dan pembinaan rumah. Satu kajian yang dilakukan oleh Tajudin (2005) menyatakan bahawa sekiranya pelajar mempunyai kemahiran teknikal tapi tidak diterapkan sekali dengan kemahiran nilai, kualiti kerja pelajar tersebut tidak semestinya akan bagus dalam masa yang panjang. Sebaiknya kemahiran perlu diintegrasikan untuk mencari keberkesanan kurikulum dan hasil yang memberangsangkan secara menyeluruh. Maka selain kemahiran, pengetahuan nilai juga penting untuk melengkapkan diri dalam dunia pekerjaan.

Inisiatif belia untuk menyambung pengajian juga adalah tinggi. Ini boleh dibuktikan apabila terdapat dapatan kajian yang mendapati bahawa belia luar bandar selalu mencari peluang untuk menyambung pengajian dalam bidang akademik seperti menghadiri karnival pendidikan, memohon dan selalu bertanya peluang menyambung pengajian kepada keluarga (Tajudin, 2005) Hasil dapatan kajian ini disokong oleh laporan IPPBM (2013) yang menyatakan bahawa majoriti daripada belia mencari maklumat pekerjaan melalui khidmat agensi, akhbar dan internet. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa belia luar bandar lebih berminat untuk mencari peluang dalam bidang kemahiran. Terdapat kajian daripada Tajudin (2005) yang menyatakan bahawa kemahiran teknikal dan nilai berkaitan antara satu sama lain. Ini membuktikan bahawa bidang kemahiran adalah penting dan menjadi pilihan dalam kalangan belia. Menurut UNFPA/SCFA (2008) juga, belia luar bandar lebih berminat dalam pekerjaan bermusim di kawasan luar Bandar.

## **METODOLOGI**

Satu kajian berbentuk tinjauan telah dijalankan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif dan disokong oleh data kualitatif. Soal selidik telah digunakan sebagai instrumen kajian untuk pengumpulan data. Chua (2011) mengatakan kajian berbentuk kuantitatif ini adalah sesuai digunakan dalam penyelidikan yang menerangkan suatu fenomena yang sedang berlaku. Kajian kuantitatif sinonim bagi mana-mana teknik pengumpulan data seperti soal selidik atau prosedur analisis data seperti graf dan statistik yang menghasilkan atau menggunakan data berangka (Saunders, dan Thornhill, 2009). Bagi menyokong dapatan, 10 orang belia luar bandar telah diambil sebagai peserta temubual. Kajian ini dilakukan untuk mengetahui sejauh mana potensi peningkatan tahap pendidikan dan kemahiran bagi komuniti belia di

luar bandar untuk menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi. Reka bentuk kajian yang sesuai akan membantu mendapatkan maklumat latar belakang dan inisiatif belia untuk menyambung pengajian dalam bidang akademik mahupun latihan kemahiran dalam bidang PTV.

Kaedah persempelan bertujuan telah digunakan untuk memilih sampel dalam kalangan belia luar bandar. Responden telah dipilih berdasarkan kriteria yang ditetapkan berdasarkan objektif kajian iaitu :

- a) Berumur 15 hingga 40 tahun.
- b) Tinggal di luar bandar.
- c) Tidak bekerja pada waktu data dipungut (kecuali kerja sampingan).

Kaedah persampelan *Snowball* telah digunakan dalam kajian ini. Responden mengagihkan borang soal selidik kepada rakan sebaya yang mereka kenali yang memenuhi kriteria yang diperlukan oleh kajian. Contoh lokasi pemungutan data adalah digerei-gerei dan kedai-kedai makan di kawasan kampung yang menjadi tumpuan belia melepak. Populasi dalam kajian ini merupakan komuniti belia yang tinggal di luar bandar yang tidak menyambung pengajian. Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia 2014, dianggarkan seramai 13.4 juta orang belia di seluruh Malaysia. Populasi belia luar bandar yang dikaji ialah seramai 4.5 juta orang. Menurut Cohen et al. (2001), jumlah responden yang diperlukan ialah seramai 1538 orang. (confidence 95% dan ralat persampelan 2.5%). Bagi peserta yang terlibat dalam sesi temubual pula, seramai 10 orang belia luar bandar daripada Kelantan, Kedah, Pulau Pinang dan Sabah telah dipilih. Peserta tersebut telah dipilih berdasarkan kriteria yang diperlukan bagi mencapai objektif kajian iaitu belia luar bandar yang tidak menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi (setelah tamat pengajian pada tahap tertentu, PMR, SPM, Sijil, Diploma) dan berumur dalam lingkungan 15 hingga 40 tahun.

Terdapat dua jenis instrumen telah digunakan iaitu soal selidik dan protokol temubual. Soal selidik digunakan untuk memungut data kuantitatif melalui tinjauan, manakala temubual separa berstruktur digunakan untuk mendapatkan pandangan peserta temubual bagi mendapatkan dapatan yang lebih mendalam. Borang soal selidik terbahagi kepada empat bahagian iaitu bahagian A (demografi), bahagian B (inisiatif menyambung pengajian), bahagian C (minat dan kecenderungan belia) dan akhir sekali bahagian D (faktor halangan menyambung pengajian). Setiap kenyataan responden diukur dengan menggunakan skala likert lima mata. Dapatan kajian dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for The Social Science (SPSS) dan kaedah yang digunakan ialah frekuensi, peratusan dan skor min. Data kualitatif pula digunakan bagi menyokong data kuantitatif dalam kajian ini. Temubual ini dijalankan secara separa formal, soalan temubual boleh disusun semula dan penggunaan aras bahasa dalam soalan temubual juga boleh disesuaikan mengikut keadaan responden (Chua, 2011). Protokol temubual dibangunkan bagi memastikan perjalanan temubual lancar dan objektif kajian tercapai.

Kajian rintis juga telah dijalankan ke atas 30 belia luar bandar di kawasan Raja, Batu Pahat, Johor. Kajian rintis boleh menggunakan 30 orang sampel berdasarkan kajian lepas (Yahaya & Ismail, 2005). Kajian rintis ini bertujuan untuk melihat sama ada responden dapat memahami soalan-soalan yang dikemukakan serta membangunkan kebolehpercayaan instrument. Berdasarkan hasil kajian rintis yang telah dijalankan, nilai alpha cronbach bagi keseluruhan item soalselidik melebihi 0.7 (Chua, 2011), ini menunjukkan item-item yang digunakan dalam borang soalselidik adalah boleh diterima dan baik. Ini berdasarkan jadual intepretasi skor alpha cronbach.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian membincangkan dan menjawab persoalan kajian iaitu apakah latar belakang belia luar bandar yang tidak menyambung pengajian akademik atau latihan kemahiran dan inisiatif belia untuk menyambung pengajian.

### Latar Belakang Belia

Latar belakang belia luar bandar yang terlibat dalam kajian ini adalah berdasarkan beberapa aspek iaitu jantina, umur, bangsa, akademik tertinggi, pengalaman kerja dan latar belakang keluarga. Latar belakang responden kajian adalah seperti berikut:

#### *Analisis Jantina*

Analisis jantina menunjukkan responden lelaki (57.5%) mendominasi hasil dapatan ini berbanding jantina lawan daripada jumlah keseluruhan 1204 orang. Ini mungkin disebabkan komuniti belia lelaki lebih suka tinggal dikampung berbanding keluar bekerja ataupun menyambung pengajian. Jumlah sebenar pecahan lelaki dan perempuan adalah seperti dalam jadual 1.

**Jadual 1 : Analisis Jantina**

Jantina	Frekuensi	Peratus (%)
Lelaki	692	57.5
Perempuan	512	42.5
Jumlah	1204	100

#### *Analisis Umur*

Analisis data menunjukkan bahawa responden yang paling ramai tidak menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi dalam bidang akademik ataupun latihan kemahiran adalah berumur diantara 21 hingga keatas (525 orang), kemudian diikuti oleh belia yang berumur 19 (206 orang) dan paling rendah iaitu berumur 17 seramai 139 orang. Ini menunjukkan generasi awal belia mencatatkan peratusan yang tidak menyambung pengajian tertinggi. Peratus pecahan umur adalah seperti jadual 2.

**Jadual 2 : Analisis Umur**

Umur	Frekuensi	Peratus (%)
17	139	11.5
18	190	15.8
19	206	17.1
20	144	12.0
21- Ke atas	525	43.6
Jumlah	1204	100

### ***Analisis Bangsa***

Analisis bangsa pula menunjukkan seramai 1020 orang responden mewakili 84.7% adalah berbangsa Melayu. Hal ini disebabkan oleh penduduk di Malaysia didominasi oleh bangsa Melayu. Terdapat 184 responden (15.3%) terdiri daripada lain-lain bangsa disebabkan penduduk Malaysia yang berbilang kaum. Daripada jumlah ini, seramai 36 (2.9%) orang responden berbangsa cina dan 29 (2.4%) orang berbangsa India.

### ***Analisis Kelulusan Akademik Tertinggi***

Analisis kelulusan akademik menunjukkan dapatan yang diluar jangkaan, namun ianya tidak mengejutkan kerana kaedah pensampelan bertujuan yang telah digunakan. Sungguhpun kriteria awal telah ditetapkan, dalam situasi sebenar agak sukar untuk membezakan latarbelakang sampel yang disasarkan iaitu tidak menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi selepas tahap tertentu (PMR, SPM, Diploma, Sijil). Majoriti komuniti belia yang tidak menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi adalah golongan belia lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) iaitu 764 orang. Manakala komuniti belia lepasan lain-lain merupakan golongan belia yang paling sedikit iaitu 33 orang. Ini berkemungkinan belia tersebut telah bekerja di luar kampung ataupun menyambung pengajian mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Peratus kelulusan akademik tertinggi responden yang diperolehi berdasarkan kajian dinyatakan seperti jadual 3.

**Jadual 3 : Analisis Kelulusan Akademik Tertinggi**

Akademik Tertinggi	Frekuensi	Peratus (%)
PMR	92	7.6
Sijil	89	7.4
SPM	764	63.5
Diploma	178	14.8
Ijazah Sarjana Muda	48	4.0
Lain-lain	33	2.7
Jumlah	1204	100

### ***Analisis Pengalaman Kerja***

Majoriti komuniti belia luar bandar dalam kajian ini adalah belia yang pernah bekerja iaitu seramai 745 manakala 38.1% tidak mempunyai pengalaman kerja. Terdapat 839 orang belia mempunyai perancangan untuk menyambung pelajaran dan selebihnya tidak ingin menyambung pengajian. Selain itu, seramai 844 orang belia mempunyai keinginan menyertai kursus kemahiran di institusi. Peratus pengalaman bekerja mereka adalah dicatatkan seperti jadual 4.

**Jadual 4 : Analisis Pengalaman Kerja**

<b>Pengalaman bekerja</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
Pernah	745	61.9
Tidak pernah	459	38.1
Jumlah	1204	100

### ***Analisis Latar Belakang Keluarga Responden***

Berdasarkan data temubual, kebanyakan belia yang tidak menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi adalah datang daripada keluarga yang mempunyai ibubapa yang bekerja sebagai pekebun kecil dan buruh. Pekerjaan ini menjadi pilihan utama ibu bapa belia kerana faktor kelayakan dan keupayaan. Sekaligus menunjukkan bahawa belia ini adalah datang daripada keluarga berpendapatan rendah. Untuk lebih terperinci, data pendapatan pula rata-rata mereka berada pada tahap pendapatan rendah iaitu dibawah RM 1,500 yang mewakili peratusan sebanyak 71.26 %. Hasil pendapatan yang sedemikian sekadar memenuhi keperluan makan dan minum seharian.

Dari aspek taraf pendidikan ibubapa belia yang tidak menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi, majoriti bapa responden sama ada tidak bersekolah atau sehingga ke sekolah rendah sahaja iaitu sebanyak 60.8 % manakala ibu responden sebanyak 13.4%. Namun ada juga bapa yang mempunyai ijazah sarjana muda iaitu sebanyak 2.9%, manakala ibu responden sebanyak 2.5%. Berkemungkinan pada ketika itu, pendidikan tidak menjadi perkara utama dan penting bagi mereka. Dijangka jika kedua ibu bapa mempunyai taraf pendidikan yang lebih tinggi, belia sebagai anak juga akan terkesan untuk mendapatkan pendidikan yang lebih baik berbanding taraf pendidikan yang mereka ada (PMR, SPM, Diploma, Sijil).

Jika dilihat dari bilangan tanggungan ibu bapa pula, 57.4% menunjukkan bilangan tanggungan ibubapa adalah diantara 3 hingga 6 orang. Untuk pekerja kampung yang berpendapatan rendah, tanggungan yang ramai akan menyulitkan pengagihan wang bagi membiayai anak-anak belia menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Berdasarkan hasil dapatan kajian tersebut, didapati bahawa responden lelaki yang mendominasi, di mana ini membuktikan bahawa perkahwinan awal



dan keperluan untuk menjaga dan memenuhi keperluan keluarga berkemungkinan menghadkan mobiliti mereka dalam meneruskan impian hidup (Hartl, 2009). Oleh itu, kebanyakan responden lelaki tidak menyambung pembelajaran kerana mereka harus memikul tanggungjawab untuk menyara keluarga. Umur responden pula diantara 21 dan ke atas, iaitu majoriti belia daripada lepasan sekolah menengah yang tidak menyambung pengajian. Walaupun responden yang merupakan komuniti belia tidak menyambung pengajian akademik atau latihan kemahiran, ada antara mereka yang telah bekerja ataupun sedang bekerja di kawasan sekitar kampung dimana tempat mereka tinggal. Hasil daripada kajian mendapati terdapat lebih daripada separuh belia luar bandar yang pernah bekerja dan mempunyai pengalaman bekerja. Menurut Hartl (2009), Pendidikan Teknikal dan Vokasional (PTV) adalah penting untuk pekerjaan di kawasan luar bandar. Golongan belia luar bandar biasanya bekerja dalam sektor formal dan tidak formal untuk menampung perbelanjaan keperluan hidup mereka sekeluarga.

### **Inisiatif Belia**

Persoalan kajian yang kedua pula ialah mengkaji inisiatif belia untuk menyambung pengajian akademik atau latihan kemahiran bagi belia luar bandar. Dapatan kajian bagi persoalan ini adalah:

#### ***Inisiatif Belia Untuk Menyambung Pengajian Ke Peringkat Lebih Tinggi***

Nilai min bagi kesemua item soalan soal selidik bagi bahagian B iaitu inisiatif belia adalah antara 3.4460 (.96811) hingga 3.9610 (.92673). Manakala nilai min keseluruhan bagi bahagian inisiatif belia untuk menyambung pengajian dalam bidang akademik ataupun latihan kemahiran mencatatkan nilai 3.78 (.64000) iaitu pada tahap tinggi. Item B17 menunjukkan nilai min yang paling tinggi iaitu 3.9610 (.92673). Manakala item B2 mempunyai nilai min yang rendah antara item iaitu 3.4460 (.96811) tetapi masih pada tahap yang tinggi. Keseluruhan item yang dinyatakan mencatatkan skor yang tinggi. Ini menunjukkan ramai yang menunjukkan maklum balas yang positif iaitu bersetuju dengan item-item yang telah dinyatakan. Jadual analisis bagi item soalan yang tertinggi dan terendah adalah seperti jadual 5.

**Jadual 5 : Analisis Inisiatif Belia Untuk Menyambung Pengajian**

No.	Item	Skor Min	Tahap
1	Selalu menghadiri karnival pendidikan yang dianjurkan oleh pihak kementerian. (b2)	3.4460 (.96811)	Tinggi
2	Menghantar permohonan secara sendiri ke institusi pengajian/kemahiran tertentu.(b9)	3.5266 (.97353)	Tinggi
3	Sudah menggunakan pelbagai cara untuk melanjutkan pelajaran.(b10)	3.7625 (.93605)	Tinggi
4	Sering bertanyakan pendapat tentang sambung belajar kepada orang terpelajar. (b17)	3.9610 (.92673)	Tinggi

5	Telah lakukan banyak ikhtiar untuk menyambung pengajian.(b18)	3.6985 (.95168)	Tinggi
<b>Keseluruhan</b>		<b>3.7800</b> (.64000)	Tinggi

Tiga tema muncul bagi analisis data temubual. Tema pertama ialah “pernah mohon”, iaitu belia pernah memohon tetapi permohonan mereka ditolak; kedua, “tiada panduan” iaitu belia juga tidak mempunyai panduan yang betul walaupun inisiatif mereka untuk menyambung pengajian ada; ketiga, “utamakan pengalaman” iaitu terdapat di antara belia luar bandar yang tidak mahu memohon menyambung pengajian disebabkan oleh mereka mementingkan pengalaman kerja. Setelah mencapai tahap pengalaman tertentu, mereka boleh mendapat gaji yang diidamkan.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian mendapati belia luar bandar selalu mencari peluang untuk menyambung pengajian dalam bidang akademik seperti menghadiri karnival pendidikan, memohon dan selalu bertanya peluang menyambung pengajian kepada keluarga. Hasil dapatan kajian ini disokong oleh laporan IPPBM (2013) yang menyatakan bahawa majoriti daripada belia mencari maklumat pekerjaan melalui khidmat agensi, akhbar dan internet. Inisiatif ini adalah antara yang menjadi pilihan antara belia luar bandar. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa belia luar bandar lebih berminat untuk mencari peluang dalam bidang kemahiran. Terdapat kajian daripada Tajudin (2005) yang menyatakan bahawa kemahiran teknikal dan nilai berkaitan antara satu sama lain. Ini membuktikan bahawa bidang kemahiran adalah penting dan menjadi pilihan dalam golongan belia.

### KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, latar belakang belia luar bandar adalah majoriti daripada belia lelaki dan mempunyai tahap pendidikan lepasan sekolah menengah dengan kelulusan PMR atau SPM. Kebanyakan daripada belia luar bandar tersebut mempunyai pengalaman bekerja di kawasan luar bandar dan latar belakang keluarga mereka juga daripada golongan berpendapatan rendah. Walaupun para belia ini berada di kawasan luar bandar, namun mereka mempunyai inisiatif untuk menyambung pengajian akademik atau latihan kemahiran. Antara inisiatif yang mereka ambil ialah menghadiri karnival pendidikan, bertanyakan pendapat daripada pihak yang berkaitan dan menghantar permohonan sendiri. Namun ada juga belia luar bandar yang memilih untuk tidak menyambung pengajian atas sebab tanggungjawab terhadap keluarga dan ingin mencari pengalaman bekerja.

Maka, tindakan dan strategi yang efektif perlu dilaksanakan bagi membantu belia luar bandar ini untuk meningkatkan tahap pendidikan, kemahiran dan produktiviti mereka. Antara langkah yang boleh diambil ialah dengan pemerkasaan bidang Pendidikan Teknikal dan Vokasional (PTV) melalui Institut Kemahiran

Belia Negara (IKBN). Pihak IKBN perlu memperluaskan pengiktirafan kepada golongan belia berdasarkan pengalaman terdahulu (PPT) bagi mendapatkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dalam bidang-bidang tertentu contohnya pertanian, automotif, mahupun catering. Penyemakan semula penumpuan bidang yang ditawarkan berbanding lokasi bagi menepati keperluan setempat kursus kemahiran yang ditawarkan di IKBN juga penting bagi memastikan IKBN lebih mudah mendapat calon dan lebih rapat dengan masyarakat setempat. Promosi berkaitan program di IKBN juga perlu diperluaskan melalui media sosial contohnya whatsapp dan facebook agar belia mendapat maklumat yang secukupnya.

### RUJUKAN

- Chua, Y.P. 2011. *Kaedah penyelidikan (Kaedah dan Statistik Penyelidikan)*. Mc.Grow Hill Education. Edisi Kedua.
- Dalgaard, Hansen, A.L., & Tranberg, K. (2008). *Youth and the city in the global south in tracking globalization*. Bloomington: Indiana University Press.
- Hartl, M. 2009. *Technical and Vocational Education and Training (TVET) and Skills Development for Poverty Reduction-Do Rural Women Benefit*. Italy: International Fund for Agricultural Development.
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia 2013. Dicapai pada oktober, 25, 2015 dari <http://www.ippbm.gov.my/>.
- Jabatan Perangkaan Malaysia 2013. Portal Rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia. Dicapai pada November 25, 2013, dari <http://www.statistics.gov.my>.
- Jabatan Perangkaan Malaysia 2014. Portal Rasmi Kementerian Kemajuan Luar Bandar. Dicapai pada November 5, 2015, dari <https://drive.google.com/file/d/0B0RiwJETH0BDaTVZYnh3NlppSGc/view>
- Kayan I.C., Hamzah R. & Udin A. 2010. Transformasi Pendidikan Teknik dan Vokasional : Membentuk Pemimpin Masa Depan 1-8.
- Mohd, F. M. J. & Junaidi. A. B. 2012. Pendapat Dan Keperluan Generasi Muda Di Kawasan Parlimen Muar, Johor. (Opinion and the Needs of Young Generation in Muar Parliamentary constituency, Johor). *Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(1). 50-63.
- Saunders, M. N. K. & Thornhill, A. 2009. Trust and mistrust in organizations: An exploration using an organizational justice framework. *European Journal of Work and Organizational Psychology* 13: 492-515.

- Tajudin, O. 2005. *Perspektif Sumber Manusia ke Arah Pencapaian Wawasan 2020*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- UNFPA/SCFA 2008, Project to Support the National Youth Strategy in Syria Empowerment and Social Participation of Youth, UNFPA and Syrian Commission for Family Affairs, Damascus.
- Yahaya, A. & Ismail, N. 2005. *Hubungan Antara sejarah Silam Dengan Perkembangan Personaliti Di Kalangan Pelajar Bandar dan luar bandar*. Malaysia: Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Zakaria, A. 2006. *Strategi Membina Modal Insan Berminda Kelas Pertama dalam Perkhidmatan Awam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

***Profil Penulis:***

***Alias Masek, Phd***

*Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
aliasmasek@uthm.edu.my*

***Badaruddin Ibrahim, Phd***

*Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
badar@uthm.edu.my*

***Lai Chee Sern, Phd***

*Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
lcsern@uthm.edu.my*

***Mimi Mohaffyza Mohamad, Phd***

*Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
mimi@uthm.edu.my*

***Marlina Mohamad, Phd***

*Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
marlina@uthm.edu.my*

***Shafizza Sahdan***

*Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
shafizza90@gmail.com , hb140176@siswa.uthm.edu.my*

***Noor Atikah Zainal Abidin***

*Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
ika.unimas@gmail.com , hb140179@siswa.uthm.edu.my*